

Pembangunan akan diperhebatkan jika BN terus mendapat mandat rakyat dalam PRU-14

Pagoh tidak terpinggir

Oleh ZULHISHAM ISAHAK

utusan.johor@gmail.com

■ PAGOH 2 MEI

RAMAII yang menjangkakan apabila Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak lagi berada dalam kerajaan pada 24 Jun 2016, Pagoh akan menjadi sebuah daerah 'mati' dan terpinggir daripada arus perdana pembangunan.

Namun keadaan itu tidak berlaku. Agenda pembangunan Pagoh tidak terencat, malah terus berkembang pesat apabila fasa pertama HAB Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) di kawasan berkeluasan lebih 200 hektar mula beroperasi tahun lalu.

HPTP menjadi pemangkin utama perkembangan daerah ini dan bukan sahaja berdiri megah sebagai ikon, malah menjadi penyumbang proses modenisasi serta pertumbuhan ekonomi dan so-

FOKUS KAWASAN



sio budaya bagi anak watan Pagoh.

Kira-kira 70,000 penduduk Pagoh mendapat manfaatnya, sekali gus mengubah wajah luaran bandarnya. Daripada jumlah itu, 50,000 atau 65 peratus adalah kaum Melayu, manakala 22 peratus Cina, tiga peratus India dan satu peratus kaum-kaum lain.

Majoriti merupakan pekebun kecil dengan sebahagian adalah nelayan yang mendiami 65 kampung, empat kawasan Felcra dan sebuah tanah rancangan Felda selain tinggal di pekan-pekan kecil.

Apabila HPTP beroperasi sepenuhnya nanti bakal menyaksikan pertambahan 20,000 hingga 30,000 penduduk, sekali gus menjadikan kira-kira 100,000 orang bakal menghuni Pagoh.

Bagi melengkapkan HPTP, selain menempatkan lima kampus universiti utamanya, pelbagai prasara lain sedang dan akan dibangunkan dalam kawasan hab tersebut, antaranya pusat kesihatan, sekolah, balai bomba dan masjid.

Sebuah stesen projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) akan menjadikan HPTP sebagai transit yang secara langsung akan berlaku ledakan dan limpahan pembangunan dalam skala besar.

Pergolakan politik yang berlaku di Pagoh sebelum ini hanya memberi kesan yang minimum dan apabila sudah 'reda', kerajaan Pusat dan negeri akan terus memberikan fokus dalam usaha membangunkan daerah ini.

Pemangku Ketua UMNO Bahagian Pagoh, Ismail Mohamed berkata, sejak Jun 2016 hingga kini, kerajaan memperuntukkan kira-kira RM40 juta untuk pembangunan daerah ini melibatkan pelbagai kemudahan dan infrastruktur asas.

MINI Stadium di Lenga sedang dibina akan menjadi tumpuan terutama untuk aktiviti bagi golongan bersu-



Menurutnya, sebanyak RM10 juta disalurkan Kerajaan Pusat manakala RM30 juta lagi daripada kerajaan negeri bagi memastikan segala keperluan masyarakat Pagoh dipenuhi, sekali gus menaik taraf kehidupan mereka menjadi lebih berkualiti.

Ismail yang juga calon BN bagi kerusi Parliment Pagoh berkata, kesinambungan pembangunan akan diteruskan selepas kedudukan BN diperkuuhkan di sini yang merupakan kubu kuat UMNO ke-

rana banyak perancangan siap dan akan dilaksanakan.

Beliau mahu lebih 50,000 ngundi membuat pilihan dengan terus memberikan manfaat kepada calon-calon BN di sini kerusi di kawasan tersebut pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Bukan sahaja kerusi Parliment Pagoh, malah turut memilih BN di Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Kepong, Mohd. Taib dan calon BN bagi DUN Pasir, Datuk Noriah Mahat.



FASA pertama HAB Pendidikan Tinggi Pagoh di kawasan berkeluasan lebih 200 hektar menempatkan empat institusi pendidikan iaitu tiga universiti awam dan sebuah politeknik.



ISMAIL MOHAMED meninjau Laman Komuniti Liang Batu, Lenga di persisir Sungai Muar yang sudah siap dinaik taraf dan bakal menjadi tarikan penduduk setempat beriadah pada setiap petang.



UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) merupakan satu lagi kampus yang terdapat dan beroperasi di HAB Pendidikan Tinggi Pagoh, Johor.